

Untuk siaran segera

KENYATAAN MEDIA

IDEAS: Langkah menghalang aktiviti lompat parti hendaklah diikuti dengan pembaharuan institusi yang lebih menyeluruh dan bermakna

Kuala Lumpur, 29 Julai 2022: Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) mengalu-alukan Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan (Pindaan) (No.3) 2022 atau lebih dikenali sebagai RUU Anti Lompat Parti yang diluluskan semalam. Kelulusan RUU ini merupakan satu langkah yang diperlukan untuk mengembalikan kepercayaan terhadap demokrasi dan sistem politik negara kita.

“Walaupun kelulusan RUU Anti Lompat Parti ini diperlukan, IDEAS berharap ini hanyalah permulaan kepada pembaharuan institusi yang lebih menyeluruh untuk mengukuhkan demokrasi negara. RUU ini penting untuk membendung para Ahli Parlimen daripada bertukar parti, tetapi melihat lebih daripada itu, satu mekanisme pilihan raya semula perlu dilaksanakan pada masa hadapan kerana mekanisme ini mengembalikan kepada rakyat pilihan sama ada untuk mengekalkan atau memecat Ahli Parlimen yang telah menukar parti.

“Malah, satu Akta Pendanaan Politik dan Akta Kumpulan Wang Pembangunan Kawasan juga diperlukan untuk memastikan ketelusan dalam pendanaan politik dan untuk menyediakan pentas yang sama adil kepada semua parti politik. RUU Anti Lompat Parti ini tidak boleh dilihat sebagai satu-satunya penawar kepada semua permasalahan dalam sistem politik Malaysia, tetapi juga perlu dilihat sebagai satu permulaan menggalakkan untuk melakukan pembaharuan lain yang lebih berani,” ulas Dr Tricia Yeoh, Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS.

“IDEAS juga memuji sikap dwipartisan yang ditunjukkan oleh para Ahli Parlimen dalam meluluskan RUU ini. Kami berharap perpaduan yang sama dapat ditunjukkan untuk mana-mana RUU yang mengembalikan kepercayaan yang telah hilang selepas berlakunya Langkah Sheraton. Terlaksananya RUU Anti Lompat Parti ini, semoga kita akan dapat melihat peratusan keluar mengundi yang tinggi dalam pilihan raya umum akan datang,” kata Dr Yeoh sebagai kesimpulan.

--- TAMAT ---

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Alissa Rode

Pengurus, Unit Kewangan Awam

alissa@ideas.org.my

Louis Denis
Pengurus Perhubungan Luar
louis@ideas.org.my

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berdasarkan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang kompetitif, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.